

## BAHAGIAN A

### Soalan A1 (10 markah)

**Arahan:** Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang paling sesuai pada setiap perkataan. Tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

Penemuan artifak oleh sebuah pasukan ahli arkeologi mungkin dapat membuktikan bahawa Temasek purba pernah mempunyai sebuah pemerintahan yang dipimpin oleh seorang ketua pemerintah atau penghulu pada akhir abad ke-14 dan ke-15. Pasukan tersebut telah menemui seramik gred maharaja Cina yang **(1) anugerah** Maharaja Hong Wu dari Dinasti Ming yang memerintah negara Cina antara 1375 dengan 1425 kepada pemimpin luar negara. Pasukan tersebut melakukan penggalian di kawasan Empress Place. Ini merupakan **(2) anjur** Lembaga Warisan Negara (NHB) dengan kerjasama Pusat Nalanda-Sriwijaya di Institut Pengajian Asia Tenggara. Hasil penggalian tersebut juga telah **(3) temu** beberapa artifak lain seperti papan-papan kayu yang berusia 700 tahun, ribuan keping syiling Cina dan syiling emas daripada Kesultanan Johor abad ke-16 hingga abad ke-17. Pasukan arkeologi itu akan mengambil masa dua hingga tiga tahun untuk menganalisis artifak-artifak tersebut. Berdasarkan **(4) bukti** analisis artifak-artifak tersebut, maka akan **(5) pancar** satu gambaran adanya kegiatan maritim serta sebuah pasar di kawasan yang berhampiran dengan Sungai Singapura. Berkemungkinan pihak NHB akan mempamerkan artifak-artifak ini yang merupakan koleksi negara Singapura pada masa hadapan.

### Soalan A2 (10 markah)

**Arahan:** Pilih peribahasa yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi tiap-tiap keterangan yang bergaris bawah dalam teks yang berikut. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

- (A) garam jatuh ke air
- (B) ada kerak adalah nasi
- (C) belayar sampai ke pulau
- (D) tiada rotan akar berguna
- (E) bagai hujan jatuh ke pasir
- (F) membuang garam ke laut
- (G) tukang tidak membuang kayu
- (H) sekali air bah, sekali pasir berubah
- (I) bagaimana bunyi gendang, begitulah tarinya
- (J) lain padang lain belalangnya, lain lubuk lain ikannya

Jawatan presiden di Kelab Hati Budi baru disandang Mawar dua bulan yang lalu. Namun, banyak perubahan dan pembaharuan yang dilakukan Mawar pada kelab mereka itu. Ahli-ahli kelab akur bagaimana mereka diperintah, begitulah mereka harus menurutinya ibarat **(6)**\_\_\_\_\_. Mereka percaya yang Mawar tidak akan melakukan perkara yang tidak memberikan faedah kepada kelab, bak kata pepatah **(7)**\_\_\_\_\_. Banyak acara telah dianjurkan oleh Kelab Hati Budi untuk keluarga yang kurang berkemampuan, ibu dan bapa tunggal dan anak-anak yatim. Mereka berharap dengan adanya acara-acara tersebut, akan dapat merapatkan kerukunan dalam sesebuah keluarga. Mereka percaya bahawa setiap perbuatan itu tentu akan meninggalkan kesannya umpama **(8)**\_\_\_\_\_. Mawar sentiasa mengingatkan orang-orang bawahannya agar membuat pekerjaan mereka sehingga sempurna. Prinsip **(9)**\_\_\_\_\_ yang sentiasa menjadi pegangan Mawar. Sikap baik Mawar ini amat disenangi oleh ahli-ahli kelab kerana Mawar amat menyayangi setiap mereka kerana percaya bahawa mereka masing-masing ada gunanya. Sikapnya diibaratkan **(10)** \_\_\_\_\_. Berkat kegigihan Mawar menjalankan tugasnya sebagai presiden Kelab Hati Budi, semakin ramai sukarelawan yang ingin membantu Kelab Hati Budi demi kesejahteraan masyarakat di sekeliling.

**Soalan A3 (10 markah)**

**Arahan:** Pilih sepatah perkataan yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan bagi mengisi tempat kosong dalam teks yang berikut. Kemudian, tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

amalan	berkekalan	berlanjutan
hemah	hemat	mahupun
perbezaan	tabiat	

Tabiat pengurusan wang yang baik seperti menabung harus disemai dalam diri kanak-kanak dari sekolah rendah lagi. Dengan mengajar kanak-kanak mengenai sikap menabung dari usia yang muda, diharapkan sikap ini akan **(11)** \_\_\_\_\_ sehingga mereka dewasa. Ibu bapa dipertanggungjawabkan dalam menyemai sikap menabung dan berjimat cermat dalam diri anak-anak mereka. Kanak-kanak harus dididik mengenai **(12)** \_\_\_\_\_ antara keperluan dengan kemahuan. Salah satu cara ialah anak-anak boleh diajarkan konsep kewangan setiap kali ibu bapa berbelanja di pasar raya **(13)** \_\_\_\_\_ di pusat beli-belah. Ibu bapa boleh mengajar anak-anak berjimat ketika berbelanja dengan menggunakan kupon diskaun ataupun membeli barangan yang menawarkan potongan harga. Secara tidak langsung, sikap **(14)** \_\_\_\_\_ akan dapat dipupuk dalam diri kanak-kanak itu ketika berbelanja pada masa yang akan datang. Setelah kanak-kanak itu meningkat usia, mereka boleh diajarkan tentang **(15)** \_\_\_\_\_ memperuntukkan wang bagi menabung, melabur, mengongsi dan berbelanja. Dengan cara ini, mereka dapat memahami tentang pengurusan wang serta menghargai nilai wang tersebut.

## BAHAGIAN B (10 markah)

**Arahan:** Baca petikan-petikan yang berikut dengan teliti.

### Petikan 1

## Yang Terbaharu: Galeri Nasional Singapura

Gabungan dua buah bangunan bersejarah iaitu Mahkamah Agung dan Dewan Bandaraya yang sudah berusia 80 tahun akan memperlihatkan satu keunikan. Bangunan itu kini dikenali sebagai Galeri Nasional Singapura.

Galeri Nasional Singapura akan berperanan sebagai pelantar dan wadah untuk pengunjung berekspresi dalam seni, pihak organisasi menganjurkan pelbagai aktiviti kemasyarakatan, orang ramai dapat beristirahat bersama keluarga sambil menikmati dan menghayati keindahan di sekitar bangunan bersejarah itu. Selain itu, bangunan ini juga menawarkan sebuah pemandangan yang indah bertentangan dengan Padang, The Esplanade, Marina Bay dan Singapore Flyer.



Galeri ini akan mempunyai beberapa balai tetap yang bertema. Antaranya, Galeri DBS Singapura yang akan menjadi wadah bagi bidang kajian seni estetik Singapura dari zaman penjajahan hingga sekarang. Galeri Asia Tenggara pula akan dijadikan tempat untuk memaparkan sejarah menerusi seni.

Di ruang Pusat Keppel bagi Pendidikan Seni merupakan ruang unik yang disediakan untuk menganjurkan program pendidikan seni bagi kanak-kanak sekolah dan keluarga. Di ruang ini disediakan pelbagai peluang pembelajaran seni berbilang deria untuk kanak-kanak daripada semua peringkat usia. Aspek interaktif amat **ditekankan** di balai ini.

Karya-karya lukisan dari kurun ke-19 hingga masa kini turut dipamerkan. Sebanyak 8 000 buah lukisan dari serata dunia yang kebanyakannya merupakan koleksi dari galeri-galeri nasional telah pun dikumpulkan. Antara koleksi yang bertaraf antarabangsa daripada pelukis Asia Tenggara adalah daripada seniman Raden Saleh dari Indonesia, Latiff Mohidin dari Malaysia, U Ba Nyan dari Myanmar dan sebagainya. Karya-karya dari Singapura pula akan lebih tertumpu pada karya yang menceritakan sejarah Singapura serta perubahan hidup yang dilalui oleh rakyat Singapura.

Salah satu tarikan di galeri ini ialah para pengunjung dapat melihat bahawa ruang mahkamah masih dikekalkan termasuklah perabot-perabot di dewan Ketua Hakim seperti meja Ketua Hakim dan kandang pesalah.

Para pengunjung akan pasti berasa takjub dan terpesona melihat perubahan pada keadaan bangunan yang dibaik pulih dan dibangunkan semula dengan kos yang menelan belanja sebanyak \$530 juta.



**Arahan:** Berdasarkan petikan di halaman 5, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

**16** Karya-karya lukisan Singapura yang dipamerkan lebih bercorak pada \_\_\_\_\_ .

- (A) ekspresi dalam seni
- (B) gambaran sejarah Singapura
- (C) koleksi yang bertahap antarabangsa
- (D) perkongsian sejarah dari zaman penjajahan hingga sekarang

**17** Salah satu balai unik yang terdapat di Galeri Nasional Singapura ialah \_\_\_\_\_.

- (A) tempat untuk mengkaji seni estetik Singapura
- (B) pengunjung dapat melihat perabot-perabot dari mahkamah masih dikekalkan
- (C) ruang interaktif yang disediakan bagi menganjurkan program pendidikan seni kanak-kanak
- (D) pengunjung dapat menikmati keindahan beberapa tempat menarik di sekitar kawasan galeri ini


**18** Perkataan 'ditekankan' dalam petikan ini bermaksud \_\_\_\_\_ .

- (A) dituntutkan
- (B) ditegaskan
- (C) ditindihkan
- (D) diutamakan

## Petikan 2

### *Nilai Kesopanan dalam Peribahasa*

Peribahasa ialah salah satu cabang sastera lama yang tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas walaupun zaman berubah. Peribahasa ini dicipta secara analogi berdasarkan objek semula jadi yang wujud di sekeliling masyarakat Melayu seperti tumbuh-tumbuhan, haiwan, lautan dan sebagainya. Masyarakat Melayu dulu mencipta peribahasa secara membuat analogi sifat dan perlakuan manusia dengan sifat objek-objek tersebut.



Peribahasa menjadi alat untuk masyarakat Melayu lama mengamalkan nilai kesopanan yang amat diutamakan dalam kehidupan. Misalnya, peribahasa ***orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa*** yang menggambarkan masyarakat Melayu menggalakkan setiap pemberian itu dibalas sebagai tanda terima kasih atau sekadar ucapan kepada si pemberi itu. Sekiranya si penerima tidak tahu berterima kasih, seolah-olah dia telah melupakan budi tersebut. Perlakuan ini dikaitkan ***bagai kacang lupa akan kulit*** dan ***ulat lupa akan daun***.



Bagi wanita terutama ketika bicara, haruslah bersopan santun, berbahasa halus dan berlemah lembut. Ini sesuai dengan sifat kewanitaannya. Jika berlaku sebaliknya maka wanita itu akan disamakan dengan ***laksana bunga dedap sungguh merah berbau tidak*** yang membawa erti perempuan yang cantik tetapi tidak berbudi. Bagi wanita yang suka bercakap banyak pula dianalogikan ***bagai murai dicabut ekor***.



Kesimpulannya, masyarakat Melayu lama bijak membuat ujaran lembut yang mempunyai maksud tersirat. Berlandaskan objek-objek semula jadi ini maka dapat dijadikan analogi untuk menyampaikan maksud yang baik mahupun menyindir seseorang secara tidak terus terang.



**Arahan:** Berdasarkan petikan di halaman 7, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

**19** Peribahasa Melayu yang melambangkan sifat-sifat wanita adalah untuk mengingatkan wanita agar dapat \_\_\_\_\_.

- (A) bertutur dengan baik dan lemah lembut
- (B) mengamalkan nilai kesopanan dalam kehidupan
- (C) disesuaikan perilaku dengan sifat kewanitaannya
- (D) disamakan sifat-sifat wanita dengan objek-objek semula jadi

**20** Pernyataan-pernyataan yang berikut tentang peribahasa Melayu adalah betul kecuali \_\_\_\_\_.

- (A) orang Melayu sentiasa harus membalas pemberian seseorang itu
- (B) peribahasa Melayu tetap bertahan walapun melalui perubahan zaman
- (C) orang Melayu menggunakan peribahasa untuk menyindir perlakuan seseorang
- (D) masyarakat Melayu dulu membuat analogi sifat manusia dengan sifat objek semula jadi

### BAHAGIAN C (30 markah)

**Arahan:** Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

“Leha ... Oi Leha!!! Mana pula si Leha ni?” rungut Mak Su sambil mengesat peluh di mukanya.  
“Oh... Mak Su. Jemputlah naik. Ibu di dapur. Lia dalam bilik tadi,” aku berbasa-basi.

Tangan Mak Su kucium ketika bersalam. Kilauan gelang emas melekat hampir separuh lengannya. Aku tidak pasti agenda Mak Su datang ke rumah kami. Jarang-jarang dia datang jika tiada apa-apa yang ingin **dicanangkannya** itu. Aku nampak ibu tergesa-gesa keluar dari dapur. Kedatangan Mak Su adalah untuk menjemput kami dua beranak ke majlis kesyukuran Azhar, satu-satunya anak tunggalnya. Azhar telah mendapat tawaran untuk melanjutkan pengajiannya di Universiti Massey. Azhar akan menceburi bidang bioteknologi. Kulihat Mak Su tersenyum lebar dari telinga kiri hingga ke telinga kanan. Aku sudah masak benar dengan perangai Mak Su. 5

“Engkau pula Lia, dapat tawaran universiti mana? Aliran apa yang kau pilih?” Soalan Mak Su meledak dari kerongkongnya yang dililit dengan emas. Mata Mak Su membuntang tajam merenung ke arah aku. 10

“Sastera? Jadi orang sastera, hidup kau tidak senang. Apa yang bidang sastera sumbangkan kepada kemajuan ekonomi kita? Hidup dalam dunia khayalan kecil ciptaan mereka dan mengelamun akan keindahan bahasa puitis mereka. Tiada wawasan kukuh. Kau hendak jadi seperti mereka? Hancur masa depan kau, Lia,” Mak Su mengejek sinis. 15

Kolot. Tidakku sangka Mak Su yang mempunyai ijazah berkembar kepujian kelas pertama berkata begitu. Mengeji tanpa rasa bersalah. Merendahkan orang lain hingga **tercalar nurani**. Ternyata itu kepakaran asli Mak Su.

“Apakan daya. Kalau sudah lemah fikiran dan tidak cemerlang pula, aliran sastera sahajalah pilihan yang kau ada, Lia. Pilihan terakhir. Menyedihkan sungguh.” 20

Aku menarik nafas dalam-dalam. Menghembus perlahan bersama-sama sisa kesabaran yang semakin menipis. Aku bersedia untuk membidik bilah-bilah kata berbisa tepat ke muka Mak Su biar kelu lidah dia menghina diriku. Aku tegar digelar biadab.

“Mak Su pernah membaca kisah penggiat sastera mati kebuluran? Mengemis di jalanan kerana tidak cukup wang? Mak Su prejudis. Sastera mungkin tidak gah seperti bidang sains dan teknologi. Tidak bermakna sastera tidak membawa makna apa-apa! Hanya manusia buta yang tidak pandai menilai definisi dan fungsi sastera,” aku menggeleng kesal akan pemikiran negatif Mak Su. 25

Aku bangun meninggalkan Mak Su yang seolah-olah menjadi kaku. Matanya cerlang mengekori aku masuk ke dalam bilik tidurku.

“Lia **persis** kau, Su. Dia ada hak untuk bersuara. Kau tidak ingat semasa kau di bangku sekolah? Kau berhujah lantang di dalam kelas Cikgu Sudin yang berkata orang miskin jangan hendak berangan belajar di luar negara kerana teruja akan sejuk salju. Disebabkan kau juga, Cikgu Sudin minta dipindahkan ke sekolah lain kerana beliau tidak mahu mengajar budak biadab iaitu kau, Su,” Leha merenung tajam muka Su. 30

Dari balik jendela, kulihat dengan jelas riak wajah mencuka Mak Su. **Tersentak** barangkali apabila ibu mengungkit hal lama itu. Mak Su tewas. Jatuh rebah tidak berdaya. Tiada kata-kata bisa untuk menidakkan kata-kata ibu. 35

“Itu cerita lama, Leha. Itu Su yang dulu, yang kolot. Aku sekarang kaya-raya. Bergelar datin pula. Datin Sufinah.” Angkuh benar kudengar nada Mak Su. Mak Su terus keluar dari rumahku dengan tergesa-gesa.

*(Dipetik dan diubah suai daripada cerpen ‘Pelangi Luka, Senja Hiba’ oleh Nazurah MK.)*



**Arahan:** Berdasarkan petikan karangan di halaman 9, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

- 21** Berikan bukti yang menunjukkan Mak Su kurang beradab datang ke rumah orang. (3 markah)
- 22** Mengapakah Lia tidak menyangka Mak Su berfikiran kolot? (3 markah)
- 23** 'Aku tegar digelar biadab.' (baris 23). Mengapakah Lia berani berkata sedemikian? (3 markah)
- 24** Jelaskan tindakan Leha yang membiarkan Lia meluahkan pandangannya terhadap Mak Su. (3 markah)
- 25** Pandangan Mak Su tentang sastera tidak dapat diterima oleh Lia. Berikan contoh-contoh untuk menyokong pernyataan tersebut. (5 markah)
- 26** Nyatakan sifat Mak Su semasa dia mula-mula berada di rumah Leha dan reaksinya selepas Lia menyuarakan pendapatnya tentang sastera. Beri sebab-sebabnya bagi menyokong jawapan tersebut. (5 markah)

Bagi **Soalan 27 hingga Soalan 30**, terangkan maksud perkataan atau frasa yang berikut berdasarkan penggunaannya dalam petikan.

- 27 dicanangkan (baris 8) (2 markah)
- 28 tercalar nurani (baris 17) (2 markah)
- 29 persis (baris 30) (2 markah)
- 30 tersentak (baris 34) (2 markah)

Selesai

### SKEMA JAWAPAN GCE 'O' MENDAKI 2015

No.	KOMPONEN	MARKAH
		<b>10 markah</b>
1.	dianugerahkan	2 m
2.	anjuran	2 m
3.	menemukan	2 m
4.	pembuktian	2 m
5.	terpancar	2 m
	<b>A2: PERIBAHASA (Soalan 6 - 10)</b>	<b>10 markah</b>
6.	(I) bagaimana bunyi gendang, begitulah tarinya (Men 2)	2 m
7.	(F) membuang garam ke laut (Men 3)	2 m
8.	(B) ada kerak adalah nasi (Men 1)	2 m
9.	(C) belayar sampai ke pulau (Men 4)	2 m
10.	(G) tukang tidak membuang kayu (Men 4)	2 m
	<b>A4: MELENGKAPKAN TEKS (Soalan 11 - 15)</b>	<b>10 markah</b>
11.	berlanjutan	2 m
12.	perbezaan	2 m
13.	mahupun	2 m
14.	hemat	2 m
15.	amalan	2 m
	<b>BAHAGIAN B: PEMAHAMAN OBJEKTIF (Soalan 16 - 20)</b>	<b>10 markah</b>
16.	B	2 m
17.	C	2 m
18.	D	2 m
19.	C	2 m
20.	A	2 m
	<b>BAHAGIAN C: PEMAHAMAN SUBJEKTIF (Soalan 21 - 28)</b>	<b>30 Markah</b>
21.	<b>Berikan bukti yang menunjukkan Mak Su kurang beradab datang ke rumah orang.</b> • Buktinya ialah Mak Su memanggil Leha dengan	3 m

No.	KOMPONEN	MARKAH
	panggilan 'Oi Leha'.	
22.	<p><b>Mengapakah Lia tidak menyangka Mak Su berfikiran kolot?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ini kerana Mak Su mempunyai ijazah berkembar kepujian kelas pertama.</li> </ul>	3 m
23.	<p><b>'Aku tegar digelar biadab.' (baris 23). Mengapakah Lia berani berkata sedemikian?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ini kerana Mak Su mengatakan bahawa Lia seorang yang lemah fikiran dan juga tidak cemerlang maka itu Lia hanya ada aliran sastera sebagai pilihan terakhirnya.</li> </ul>	3 m
24.	<p><b>Jelaskan tindakan Leha yang membiarkan Lia meluahkan pandangannya terhadap Mak Su.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Leha bertindak dengan membiarkan Lia meluahkan pandangannya terhadap Mak Su. Ini kerana perbuatan Lia menyuarakan isi hatinya dengan kata-kata yang berbisa itu sama seperti Mak Su yang juga bertindak agak kurang ajar terhadap Cikgu Sudin yang merendahkan orang-orang miskin seperti Mak Su sewaktu Mak Su di bangku sekolah.</li> </ul>	3 m
25.	<p><b>Pandangan Mak Su tentang sastera tidak dapat diterima oleh Lia. Berikan contoh-contoh untuk menyokong pernyataan tersebut.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh yang pertama sekiranya Lia menjadi orang sastera, dia tidak akan hidup senang.</li> <li>• Contoh yang kedua ialah Mak Su mempersoalkan tentang sumbangan sastera pada kemajuan ekonomi negara.</li> <li>• Contoh yang ketiga ialah orang sastera hidup dalam dunia khayalan kecil ciptaan mereka dan mengelamun akan keindahan bahasa puitis mereka.</li> <li>• Contih yang keempat ialah orang sastera tiada wawasan yang kukuh.</li> <li>• Contoh yang kelima ialah Lia akan menghancurkan masa depannya dengan menceburi bidang sastera.</li> </ul> <p><b>(Pilih 2/5 contoh jawapan yang disediakan)</b></p>	5 m
26.	<p><b>Nyatakan sifat Mak Su semasa dia mula-mula berada di rumah Leha dan reaksinya selepas Lia menyuarakan pendapatnya tentang sastera. Beri sebab-sebabnya bagi menyokong jawapan tersebut.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mak Su bersifat megah hati semasa dia mula-mula berada di rumah Leha. Sebabnya ialah Mak Su tersenyum lebar dari telinga kiri hingga ke telinga kanan ketika dia memberitahu Leha dan Lia bahawa Azhar dapat melanjutkan pengajiannya di Universiti Massey dalam</li> </ul>	5 m

No.	KOMPONEN	MARKAH
	bidang bioteknologi. • Mak Su tergamam/terdiam selepas dia mendengar kata-kata Lia. Sebabnya ialah dia tidak sangka yang Lia berani bertindak mempertahankan sastera dengan kata-kata yang berbisa.	
27.	<b>dicanangkan</b> : diberitahukan/dihebahkan/dihebohkan/diumumkan	2 m
28.	<b>tercalar nurani</b> : tergaris perasaan	2 m
29.	<b>persis</b> : sama benar/serupa benar/kena benar	2 m
30.	<b>tersentak</b> : tersentak/terperanjat/tersedar dengan tiba-tiba	2 m
	<b>Markah Penuh</b>	<b>70 Markah</b>